



SMK RIAM, MIRI

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM II
OGOS 2023

PERNIAGAAN
KERTAS 1
1249/1
1 JAM 15 MINIT
TINGKATAN 5

Nama : _____

Kelas : _____

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**. Sila isi jawapan pilihan anda pada kotak di halaman terakhir kertas soalan.

- Kaedah manakah yang digunakan untuk melaksanakan dasar pemberian subsidi kerajaan?
A Jualan secara percuma
B Jualan pada harga kos
C Jualan pada harga di atas kos
D **Jualan pada harga di bawah kos**
- Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Bidor Berhad akan mengadakan mesyuarat agung tahunan setiap tahun. Mengapakah koperasi tersebut mengadakan mesyuarat agung tahunan?
A **Memilih anggota baharu**
B Meluluskan undang-undang kecil
C Menubuhkan jawatankuasa penaja
D Mendapat sijil perakuan pendaftaran
- Apakah prinsip koperasi?
A Modal yang kecil
B Kawalan autokratik
C **Kebebasan autonomi**
D Jumlah anggota yang terhad
- Pernyataan manakah yang **benar** tentang ciri-ciri perniagaan francais?
A Francaisor membuat bayaran berbentuk fi kepada francais
B **Francaisor mengenakan kawalan berterusan kepada francais**
C Perniagaan dijalankan mengikut sistem yang telah ditetapkan oleh francais
D Francaisor dan francais tidak boleh menjalankan aktiviti perniagaan secara berasingan
- Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor menentukan saiz perniagaan?
I Modal yang dilaburkan
II Keuntungan tahunan
III Bilangan pekerja tetap
IV Jumlah jualan tahunan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D **III dan IV**
- Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Romiah.

Puan Romiah merupakan pemilik Kedai Roti Romiah Maju di Kuching. Dia dibantu oleh 17 orang pekerja.

Apakah saiz perniagaan Kedai Roti Romiah Maju?
A **Kecil**
B Besar
C Global
D Sederhana
- Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan.

- Liputan pasaran merentasi sempadan
 - Dihubungi dengan adanya internet

Apakah skala perniagaan tersebut?
A Skala zon
B **Skala global**
C Skala tempatan
D Skala kebangsaan

8. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan untuk menangani inflasi?

- A Meningkatkan kadar faedah
- B Meningkatkan permintaan barang
- C Meningkatkan pengimportan barang
- D Melalui dasar undang-undang kerajaan

9. Tuan Ahmad merupakan seorang majikan yang sangat tegas. Gaya pengurusan manakah yang menunjukkan tindakannya bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan?

- A Gaya pengurusan sederhana
- B Gaya pengurusan sokongan
- C Gaya pengurusan autokratik
- D Gaya pengurusan *laissez-faire*

10. Maklumat berikut berkaitan dengan Analisis SWOT.

Faktor dalaman yang membawa kesan negatif kepada Perniagaan Sin Tay Lang Sdn. Bhd. adalah dari segi pengurusan pekerja.

Ciri SWOT di atas berkaitan dengan

- A Peluang
- B Ancaman
- C Kekuatan
- D Kelemahan

11. Mengapakah sektor utama dan sektor kedua saling berkaitan antara satu sama lain?

- A Mengamalkan pengkhususan
- B Menyokong perkembangan ekonomi
- C Aktiviti dijalankan memberi nilai faedah
- D Membekalkan bahan mentah untuk diproses

12. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan.

Fatan merupakan seorang majikan yang menjaga hubungan dengan pekerja dan memberikan motivasi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Apakah jenis gaya pengurusan yang dilaksanakan oleh Fatan?

- A Gaya pengurusan autokratik
- B Gaya pengurusan sokongan
- C Gaya pengurusan sederhana

D Gaya pengurusan *laissez faire*

13. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan maksud visi?

- A Mengukur sasaran perniagaan
- B Matlamat pelaksanaan perniagaan
- C Target keuntungan dalam perniagaan
- D Menjadi panduan membuat keputusan

14. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Mapok Parang Sdn. Bhd. yang mengeluarkan sabun pencuci pakaian.

Harga sebotol	RM30
Kuantiti dijual	1000 unit
Kos tetap	RM 4000
Kos berubah	RM 2000

Hitung jumlah hasil jualan bagi Syarikat Mapok Parang Sdn. Bhd.

- A RM 15000
- B RM 16000
- C RM 20000
- D RM 30000

15. Syarikat AFE Group Sdn. Bhd. telah membuat perubahan objektif syarikat ketika penularan wabak COVID-19 yang melanda pada tahun 2020.

Apakah faktor luaran yang menyebabkan objektif syarikat terpaksa dibuat perubahan?

- A Kewangan
- B Undang-undang
- C Sumber manusia
- D Gaya pengurusan

16. Antara yang berikut, yang manakah kesan deflasi?

- I Kuasa beli penduduk meningkat
 - II Kadar faedah semakin meningkat
 - III Penduduk kehilangan pekerjaan
 - IV Membantutkan aktiviti perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

17. Gambar menunjukkan bahan cetak yang digunakan dalam aliran barang dan perkhidmatan.



Bahagian fungsian manakah yang mewujudkan bahan cetak tersebut?

- A Bahagian fungsian kewangan
B Bahagian fungsian pemasaran
 C Bahagian fungsian pengeluaran
 D Bahagian fungsian khidmat pelanggan
18. Puan Damia merupakan seorang pekerja di bahagian kewangan di sebuah syarikat. Apakah tugas Puan Damia?
- A Menyelia fail dan dokumen syarikat
 B Melaksanakan program latihan induksi untuk pekerja
C Membuat perancangan dan mengawal kewangan setiap bahagian
 D Mengurangkan sumber kewangan setiap bahagian bagi mengurangkan kos
19. Tuan Mail menjalinkan hubungan yang baik dengan pelanggannya. Mengapakah dia berbuat demikian?
- A Mempercepatkan urusan niaga
 B Memudahkan urusan pembiayaan
 C Memberi kemudahan kepada pelanggan
D Mempengaruhi mereka untuk membeli barang atau perkhidmatan

20. Maklumat berikut merupakan tugas yang perlu dilakukan oleh Encik Amir Zarin.

- Melengkapkan dokumen penghantaran
- Menyediakan jadual pergerakan kenderaan
- Menyelesaikan masalah proses pengedaran

Di bahagian fungsian manakah Encik Amir Zarin bertugas?

- A Bahagian fungsian kewangan
 B Bahagian fungsian pentadbiran
C Bahagian fungsian pengagihan
 D Bahagian fungsian pemasaran
21. Maklumat berikut menunjukkan faktor penentu sistem penggajian yang diamalkan oleh sebuah organisasi.

Encik Samuel telah bertugas sebagai pengurus pemasaran selama lima tahun di Syarikat Pelita Sdn. Bhd. Dia telah dinaikkan pangkat menjadi pengurus cawangan di Tampok dengan kenaikan gaji sebanyak 40%.

Apakah faktor penentu sistem penggajian yang diterima oleh Encik Samuel?

- A Bentuk dan jenis tugas
B Kemampuan organisasi
 C Permintaan dan penawaran buruh
 D Ganjaran yang dibayar syarikat pesaing

22. Maklumat berikut berkaitan dengan langkah pembangunan produk baharu.

Proses mengkaji idea-idea produk baharu untuk memilih yang terbaik dan menggugurkan yang kurang berpotensi secepat mungkin.

Apakah langkah tersebut?

- A Komersialisasi
 B Penjanaan idea
C Penyaringan idea
 D Pembangunan produk

23. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan suatu bahagian fungsian.

Bahagian fungsian	Peranan
Q	Sebagai pengurus bahagian fungsian Q, Encik Maziq menerima sebut harga daripada pembekal.

Apakah Q?

- A **Pembelian**
- B Pengeluaran
- C Pemasaran
- D Kewangan

24. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran keboleherjaan.

Mater seorang pekerja yang mahir menggunakan pelbagai perisian komputer yang terkini. Dia juga dapat menyampaikan maklumat dan pembentangan dalam pelbagai bahasa.

Apakah jenis kemahiran keboleherjaan yang dimiliki oleh Mater?

- A Penyelesaian masalah dan kerja berpasukan
- B Keupayaan pembelajaran dan kerja berpasukan
- C Kemahiran berkomunikasi dan inisiatif dan keusahawanan
- D **Kemahiran berkomunikasi dan penggunaan teknologi terkini**

25. Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor penentu sistem penggajian?

- I Kecekapan
 - II Faktor teknologi
 - III Faktor lokasi
 - IV Kemampuan organisasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D **III dan IV**

26. Setelah bekerja selama lima tahun, John mendapatkan bantuan kewangan daripada syarikatnya untuk melanjutkan pelajaran dan latihan ke luar negara.

Apakah jenis faedah yang telah diberikan oleh syarikat John?

- A Bonus tunai
- B **Biasiswa pendidikan**
- C Insurans berkelompok
- D Kemudahan kenaikan pangkat

27. Maklumat berikut berkaitan dengan satu bahagian fungsian yang memberikan kemudahan kepada pekerjanya Cik Mimi.

- Cik Mimi menerima faedah perubatan daripada hospital swasta.
- Cik Mimi juga berpeluang untuk mendapatkan kenaikan pangkat berdasarkan prestasinya.
- Setiap bulan Cik Mimi akan dihantar untuk menjalani latihan bagi memantapkan lagi kerjayanya.

Apakah bahagian fungsian yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan tersebut kepada Cik Mimi?

- A Jualan
- B Pengagihan
- C **Sumber manusia**
- D Teknologi maklumat

28. Apakah maksud dekod dalam proses komunikasi?

- A Kaedah yang digunakan untuk menghantar mesej
- B Pihak yang menerima mesej yang dihantar oleh penghantar
- C **Proses pihak penerima menterjemahkan mesej yang dihantar oleh penghantar**
- D Melibatkan pengolahan terhadap sesuatu idea seda ada seperti dalam bentuk tulisan, gambar dan pertuturan

29. Maklumat berikut merujuk kepada peranan pengurusan sumber manusia dalam perniagaan.

Pekerja Syarikat Kedai Berlian Vivi sentiasa diberi penghargaan serta ganjaran berdasarkan kebolehan mereka untuk mereka bentuk dan mengubah suai berlian keluaran syarikat tersebut.

Pernyataan manakah yang menerangkan peranan pengurusan sumber manusia di atas?

- A Memantapkan budaya profesional
- B Menggalakkan kreativiti dan inovasi**
- C Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
- D Membentuk persekitaran kerja yang positif dan harmoni

30. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

Puan Teren, Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Kejori Sdn. Bhd. Telah mengeluarkan notis kepada semua pekerja untuk memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan sosial mulai 4 April 2020.

Apakah aspek pengelolaan yang diamalkan oleh Puan Teren?

- A Penyelesaian masalah
- B Penghargaan dan hukuman
- C Struktur organisasi perniagaan
- D Standard prosedur operasi tugas**

31. Perbualan berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkeraan.

Fahmi: Temu duga saya di Bank XX semalam gagal sebab saya baru sahaja mendapat diploma dalam bidang perbankan.

Hayri: Kalau begitu, cuba memohon kerja di tempat kerja saya di PBX Bank, kami amat memerlukan tenaga kerja yang baru sahaja tamat pengajian.

Apakah kemahiran kebolehkeraan yang diperlukan oleh kedua-dua syarikat tersebut?

Bank XX

Bank PBX

- | | |
|---------------------|--------------------|
| A Kelayakan | Pengetahuan produk |
| B Pengalaman | Kelayakan |

- | | |
|------------------------------|----------------------------|
| C Pengetahuan produk | Keberkesanan capai sasaran |
| D Keberkesanan capai sasaran | Pengalaman |

32. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk insentif pekerja.

Puan Maslin bekerja sebagai Pengurus Pemasaran di Syarikat Perabot Marin. Dia memilih caruman KWSP 11% sebagai potongan wajib. Jumlah caruman KWSP bulanan Puan Maslin ialah RM440.00

Berapakah jumlah gaji Puan Maslin?

- A RM 4000**
- B RM 4400
- C RM 4500
- D RM 4840

33. Antara yang berikut, yang manakah merupakan potongan wajib dalam sistem penggajian?

- I Bayaran skim pencen
 - II Caruman kepada KWSP
 - III Caruman kepada PERKESO
 - IV Bayaran balik pinjaman perumahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III**
 - D III dan IV

34. Famer seorang pekerja bahagian fungsian pengeluaran. Dia datang lewat ke tempat kerja tanpa alasan yang munasabah dan ini merupakan kesalahan pertamanya. Sebagai majikan, apakah tindakan yang perlu dilakukan?

- A Amaran lisan**
- B Amaran bertulis
- C Diberhentikan kerja
- D Ditahan kenaikan pangkat

SULIT

3766/1

35. Maklumat berikut berkaitan dengan pernyataan objektif sebuah organisasi perniagaan.

Perniagaan Roslan Sdn. Bhd. dapat meningkatkan keuntungan sebanyak 25% daripada hasil jualan dalam jangka masa empat bulan yang akan datang.

Apakah ciri yang terdapat dalam pernyataan objektif di atas?

- A Fleksibel
- B Munasabah
- C Boleh diukur
- D Mudah difahami

36. Antara yang berikut, yang manakah merupakan organisasi bermotifkan untung?

- I Pasar Raya Kim Lee
 - II Auzana Indah Sdn. Bhd.
 - III Majlis Daerah Gombak
 - IV Persatuan pengguna Islam Malaysia
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

37. Pernyataan manakah yang **benar** tentang objektif perniagaan?

- A Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
- B Tujuan asas pembentukan sesebuah organisasi
- C Penetapan perancangan melibatkan fokus dan perancangan jangka masa panjang
- D Pernyataan ringkas yang menjelaskan tujuan atau matlamat utama sesebuah perniagaan

38. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif sebuah restoran terkenal di Malaysia.

Restoran Nasi Kander di Sg. Rajang ingin meningkatkan jualan sebanyak 40% dalam masa setahun.

Apakah ciri SMART yang terdapat dalam objektif Restoran Nasi Kander?

- A Realistik
- B Munasabah
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

39. Rajah di bawah berkaitan dengan peranan bahagian fungsian **R** dalam Syarikat Kenangka Sdn. Bhd.

R → Memastikan jumlah sasaran jualan yang telah ditetapkan dalam objektif perniagaan.

Apakah bahagian fungsian **R**?

- A Jualan
- B Pemasaran
- C Pengeluaran
- D Pengurusan Sumber Manusia

40. Antara yang berikut, yang manakah menjelaskan taraf perintis?

- A Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan
- B Diberikan kepada syarikat status MSC dan terlibat dalam industri teknologi tinggi
- C Diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan pengeluaran makanan sahaja
- D Potongan cukai diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan dengan kadar potongan bergantung pada jenis perbelanjaan yang terlibat

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(ANGELIA GOH MEI YING)

(NAZURA BINTI HAMIDI)

(SARKAWI KARIA)